



Dato' Razani (kiri) mendengar penerangan semasa melawat pameran

SERDANG, 15 April– Pelajar digesa menyumbang keperluan dalam bidang perhutanan di negara ini untuk pembangunan sosio-ekonomi negara.

Ketua Pengarah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Razani Ujang berkata ilmu dan kepakaran dalam bidang itu mampu menyumbang kepada pemeliharaan dan pemuliharaan hutan negara bagi mengelakkan kemusnahan hutan sebagai habitat flora dan fauna, sumber air bersih dan perubahan iklim.



Ketua Pengarah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Razani Ujang

“Hubungan dan kerjasama sektor dalaman serta agensi amat penting dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan undang-undang dalam memelihara dan memajukan bidang perhutanan di negara ini,” katanya dalam program Distinguished UPM Alumni Lecture Series: Living the Serdang Story (DALSS) Siri ke-4 bertajuk ‘New Insight in Forestry’ di sini.



Katanya lagi, sebagai alumni Fakulti Perhutanan UPM kelas 1978, beliau menyeru agar graduan fakulti itu melibatkan diri secara aktif dalam bidang perhutanan bagi memperoleh ilmu pengetahuan dan mampu menyumbang idea baru serta tenaga dalam bidang ini.

DALS Siri Ke-4 merupakan program syarahan bersiri anjuran oleh Pusat Alumni dan Fakulti Perhutanan.



Barisan alumni UPM

Berita ini disediakan oleh Nur Suhada Anuar (03-89466154), foto oleh Norazreen Awang, Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi UPM.